



UPM Jalin MoU Dengan Universiti Kagoshima, Jepun



SERDANG, 16 Mac– Universiti Putra Malaysia (UPM) menjalinkan memorandum persefahaman (MoU) dengan universiti yang mempunyai ranking antara terbaik Asia, iaitu Universiti Kagoshima, Jepun dalam bidang penyelidikan dan pendidikan biologi, ekologi dan pencemaran bahan kimia berbahaya di persekitaran pantai.

Hubungan yang sedia terjalin antara kedua-dua pihak itu akan memperluaskan lagi bidang sains marin dan jumlah penyelidik terlibat selain memperluas mekanisme UPM mencari lokasi program pertukaran pelajar UPM.

MoU yang ditandatangani oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Dato' Dr. Abu Bakar Salleh dan Timbalan Presiden Universiti Kagoshima, Prof. Mikiko Abe akan menjalin lebih banyak peluang kerjasama antara kedua belah pihak, khususnya program pertukaran staf (akademik dan bukan akademik) dan pelajar.



Antara penyelidik Jabatan Biologi Fakulti Sains UPM yang terlibat dalam kerjasama penyelidikan pada masa ini ialah Prof. Dr. Ahmad Ismail, Prof. Dr. Fatimah Md Yusof, Dr. Hishamuddin Omar, Dr. Nor Azwady Abdul Aziz dan Shahrizad Yusof sementara penyelidik dari Universiti Kagoshima ialah Prof. Jiro Koyama, Prof. Masanori Sato, Prof. Tadahide Noro, Prof. Gunzo Kawamura dan Prof. Jiro Koyama.

Universiti Kagoshima mempunyai sejarah kerjasama dengan penyelidik Jabatan Biologi, Fakulti Sains Universiti Pertanian Malaysia melalui memorandum yang pernah ditandatangani pada 1987, 1989 dan 1994.

Kumpulan penyelidik berkenaan telah bekerjasama dan bertukar maklumat dan teknologi dalam beberapa tajuk penyelidikan yang sedang berjalan di makmal Jabatan Biologi dan Universiti Kagoshima.

Universiti Kagoshima merupakan antara yang terbesar di Jepun dengan mempunyai 9 buah fakulti yang berpengalaman dalam bidang sains asas dan perikanan terutamanya berkaitan sains marin.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Khairul Anuar Muhamad Noh 013-3957650).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia